

Kemampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis

Wan Rohani Wan Mokhtar¹
Mohd Zaki Abd. Rahman²
Mohamad Azrien Mohamed Adnan³
Nor Hazrul Mohd Salleh⁴

Abstrak

Menguasai Tatabahasa Arab mempengaruhi kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran menulis. Oleh itu, tatabahasa Arab perlu diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran menulis dapat dikuasai dengan baik. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan kemampuan mereka dalam menggunakannya dalam kemahiran menulis disamping menganalisis kesalahan tatabahasa dalam penulisan mereka. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif, instrumen kajian yang digunakan ialah soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis. Responden dalam kajian ini terdiri daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi di Universiti Awam Malaysia. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar. Penentuan kesilapan tatabahasa dalam penulisan dibuat berdasarkan penyimpangan daripada kaedah dan sistem tatabahasa Arab standard. Kemampuan responden dalam menggunakan tatabahasa Arab dalam kemahiran menulis dinilai berdasarkan kemampuan mereka menggunakan tatabahasa Arab dalam penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan kemampuan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia dalam mengaplikasikan tatabahasa dalam kemahiran menulis berada pada tahap sederhana.

Kata Kunci : Tatabahasa Arab, Pelajar Asasi, Kemahiran Menulis

¹ Wan Rohani Wan Mokhtar, Calon Ph.D Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM

² Mohd Zaki Abd. Rahman (PhD), Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM

³ Mohamad Azrien Mohamed Adnan (PhD), Guru Bahasa, Program Pendidikan Islam, Akedemi Pengajian Islam, UM

⁴ Nor Hazrul Mohd Salleh (PhD), Guru Bahasa, Akademi Pengajian Islam (Nilam Puri), UM

PENDAHULUAN

Aspek kemahiran berbahasa meliputi kemahiran lisan, mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, kemahiran menulis merupakan aspek asas yang paling penting dalam kemahiran berbahasa. Menguasai kemahiran menulis bahasa Arab memerlukan memahami beberapa aspek penting terutamanya aspek tatabahasa kerana tujuan mempelajari tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan lidah daripada berlaku kesalahan dalam percakapan dan pembacaan serta memperbetulkan tulisan semasa menulis. Untuk mengelak daripada berlakunya kesilapan dalam penggunaan bahasa, mengambil berat terhadap tatabahasa Arab perlu diutamakan terutamanya bagi pengamal bahasa Arab

Oleh itu, menjadi keperluan bagi pengamal bahasa Arab untuk memahami secara mendalam tentang tatabahasa Arab agar mereka dapat menggunakannya dengan betul terutamanya semasa menulis supaya maksud ayat yang hendak disampaikan bertepatan dengan apa yang dikehendaki. Begitulah seorang pelajar yang ingin menguasai kemahiran menulis terlebih dahulu mereka perlu menguasai tatabahasa Arab dan untuk menjadi mahir dalam tatabahasa Arab mereka perlu praktis sama ada melalui penulisan mahupun percakapan. Penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis perlu mendapat penekanan daripada semua pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung sama ada dari aspek sukatan, teknik pengajarannya, guru dan penilaiannya serta apa sahaja isu yang ada hubung kait dengan tatabahasa dan kemahiran menulis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Kaedah ini dipilih berdasarkan reka bentuk kajian tinjauan dapat memberikan perihal fenomena dan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar dan kemampuan menggunakannya dalam penulisan. Populasi kajian terdiri daripada pelajar lepasan SPM yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Asasi Universiti Awam Malaysia dan mengambil kursus Bahasa Arab di institusi tersebut. Pemilihan mereka ini disebabkan jarang terdapat kajian yang melibatkan kumpulan ini dan mereka ini ialah pelajar yang berada di peringkat Asasi yang mengambil kursus Bahasa Arab sebagai persediaan untuk pengajian di peringkat ijazah di mana memerlukan pementapan dari aspek kemahiran bahasa Arab untuk mendalami bidang pengkhususan yang dipelajari seperti syariah dan usuluddin yang kebanyakan bahan rujukannya dalam bahasa Arab. Kajian ini bertujuan melihat penguasaan mereka terhadap beberapa tajuk penting tatabahasa Arab yang dipelajari di peringkat SPM. Pemilihan tajuk tersebut berdasarkan keperluannya dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab, antara tajuk tersebut ialah kata nama, kata kerja dan ayat kata kerja, kata tugas, ayat kata nama, *al-nawÉsikh*, frasa *iÉfat* dan frasa sifat. Selain itu kajian ini adalah untuk mengenal pasti keupayaan responden menggunakan tatabahasa tersebut dalam kemahiran menulis. Ini adalah supaya kelemahan yang diperolehi melalui kajian ini dapat diperbaiki sebelum mereka melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah. Populasi dalam kajian ini adalah seramai 850 orang, bagi populasi seramai 850 orang, sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 265⁵.

Intrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan soalan ujian kemahiran menulis. Soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab terdiri

⁵ Krejcie, Robert V. dan Daryle W. Morgan (1970). Ditermining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurment. Vol. 30: 607-610.

daripada 40 soalan objektif. Ujian kemahiran menulis terdiri daripada 3 tajuk karangan. Responden hanya diminta menulis salah satu tajuk karangan yang diberikan tidak melebihi 100 patah perkataan. Kesahan instrumen kajian dilakukan melalui rujukan pakar, manakala kebolehpercayaan instrumen kajian pula dilakukan dengan test retest, Alpha Cronbach dan Cohen Kappa. Dapatan kajian daripada soal selidik dan ujian penguasaan tatabahasa Arab diproses melalui analisis diskriptif. Peratusan, min dan taburan skor digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan penguasaan tatabahasa dalam tajuk kajian. Jadual dan graf digunakan bagi memaparkan dapatan kajian. Penentuan kesilapan penulisan dibuat berdasarkan penyimpangan sesuatu kaedah dalam sistem bahasa Arab standard dalam penyusunan ayat bahasa Arab. Penilaian penulisan juga dibuat berdasarkan kaedah dan sistem yang telah ditetapkan oleh para sarjana bahasa Arab terdahulu dan juga sarjana masa kini yang dianggap muktabar. Kemampuan responden terhadap kemahiran menulis dinilai berdasarkan penguasaan responden dalam menggunakan aspek tatabahasa yang diuji dalam penulisan karangan.

TATABAHASA ARAB DAN KEMAHIRAN MENULIS

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang digunakan untuk tujuan berkomunikasi di tempat kerja, dalam situasi pendidikan dan untuk tujuan kehidupan. Ia merupakan satu keupayaan membina dan mengarang ayat yang kompleks untuk melahirkan perkara yang wujud di dalam minda seseorang dengan menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari sama ada diperolehnya daripada kamus atau melalui pembacaan teks⁶. Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang sangat kompleks dan telah dipersetujui oleh ramai pendidik bahasa bahawa ia perlu bermula hanya apabila kemahiran yang lain sudah sehati dengan pelajar, terutama sekali pelajar-pelajar muda.

Antara objektif pengajaran kemahiran menulis adalah untuk membolehkan pelajar menulis huruf dan perkataan Arab dengan huruf berceraai dan huruf bersambung dengan tulisan yang jelas dan betul serta menggunakan perkataan dengan pantas dan betul dalam menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dengan tema yang diungkapkan⁷.

Kemahiran menulis bahasa Arab boleh dibahagikan kepada beberapa aspek utama seperti menulis huruf, menulis perkataan, menulis ayat dan karangan. Mempelajari tulisan huruf dilakukan secara pindah iaitu pelajar diajar menulis huruf yang diberi petikannya kepada mereka, berdasarkan kepada keratan petikan ini pelajar menyalin semula ayat yang terdapat dalam petikan tersebut. Tujuan utama pengajaran ini ialah bagi memperbaiki kemampuan pelajar untuk menulis huruf perkataan Arab. Peringkat ini dinamakan juga sebagai peringkat memindah dan menulis semula Menulis perkataan dan ayat serta karangan pula berlaku dengan sama ada menyalin perkataan dan ayat sedia ada atau membentuk perkataan menjadi ayat dan seterusnya menghimpunkan ayat menjadi satu idea dalam sebuah karangan.⁸

Kemahiran menulis terhasil daripada kemahiran membaca, mendengar dan bercakap, ia merupakan salah satu cara komunikasi antara anggota masyarakat dalam semua bidang kehidupan. Dengan kemahiran menulis, sesuatu bangsa mampu mengekalkan warisan zaman silam sehingga ke beberapa jenerasi. Dengan kemahiran menulis juga

⁶ Ab. Halim Mohamad (2002). Pembelajaran frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur:Universiti Malaya

⁷ Muhammad Kāmil al-Nāqah. (1985). Ta'lim al lughah al arabiyyah li al-Nnatiqin biha. Saudi Arabia: Universiti Umm al-Qurā.

⁸ Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979.

mbolehkan seseorang menyuarakan pandangan serta menggambarkan peristiwa, pengalaman dengan menggunakan ungkapan bahasa⁹.

Penulisan amat penting dalam kehidupan pelajar, terutamanya di peringkat awal pengajian kerana mereka perlu bersuara, meluahkan pengalaman dan pandangan secara jelas serta menggunakan bahasa dengan betul agar pandangan dapat difahami dan apa yang ada di dalam fikiran dapat disampaikan dengan jelas kepada pembaca¹⁰

Oleh itu, penting bagi seorang pelajar menyedari bahawa dalam kemahiran menulis bahasa Arab perlu bebas daripada melakukan kesilapan morfologi dan tatabahasa, perlu memilih kata-kata yang betul, serta mempersembahkan idea yang jujur dalam menggambarkan perasaan di samping menerangkan sesuatu yang ingin disampaikan melalui penulisan, pemilihan perkataan juga perlu tepat dan penggunaan tanda baca perlu betul¹¹.

Terdapat banyak kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar terutamanya dalam membina ayat bahasa Arab ketika membuat karangan. Pelajar terpengaruh dengan sistem bahasa ibunda serta keliru memilih kaedah tatabahasa yang betul serta sesuai untuk digunakannya dalam penulisan. Kajian di fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia mengenai tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab mendapati hanya 10% sahaja pelajar yang boleh mengeluarkan ayat daripada petikan yang diberikan¹². Ini jelas menunjukkan pelajar tidak mengenali frasa nama dalam teks bahasa Arab yang diberikan.

Aspek kelemahan pelajar dalam tatabahasa Arab antaranya adalah dalam menguasai penggunaan kata kerja, mereka lemah dalam membezakan pola kata kerja, perubahan makna mengikut penambahan huruf dalam kata kerja serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender. Selain itu, pelajar Melayu juga lemah dalam menguasai *nawĒsikh* serta tidak memberi tumpuan yang mendalam terhadap tajuk *al-marfĒĒĒt, almajrĒĒĒt* dan *al-mansĒbĒĒt* yang merupakan tajuk yang sangat penting dalam pengajian tatabahasa Arab¹³

Tatabahasa Arab mempunyai kaitan rapat dengan kemahiran berbahasa sama ada kemahiran membaca atau menulis. Kajian ini hanya menfokuskan kemahiran menulis memandangkan kemahiran menulis merupakan penguasaan bahasa peringkat asas. Kemahiran menulis dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan berakhir dengan sebuah wacana yang boleh memberi kefahaman kepada pembaca¹⁴. Dalam penulisan atau membina ayat lengkap bahasa Arab memerlukan kemahiran nahu. Apa yang menjadi masalah dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar ialah masalah nahu Arab kerana peajar tidak dapat menggunakan nahu dengan tepat dalam penulisan. Terdapat beberapa kajian tentang pembelajaran bahasa kedua yang menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua tidak menguasai kemahiran menulis dan melakukan kesalahan dalam

⁹ Āmir, Fakhr al-Dīn (2000) Ṭuruq Tadrīs al-Khāssah bi al-Lughah al-ʿArabiyyah, Kaherah : ʿĀlam al-Kutub

¹⁰ Toʿimāh, Rushdī Ahmad (1998), al-ʿusus al-ʿĀmmah li Manāhij Taʿlīm al-ʿArabiyyah, ʿIḍāduhā, Taṭwīruhā, Taqwīmuhā, al-Kaherah : Dār al-Fikr al-ʿArabiyy

¹¹ Qorah, Hussin Sulaiman (1981) Mawāqif Taṭbīqiyyah fī Taʿlīm al-Lughah al-ʿArabiyyah wa al-Dīn al-ʿIslāmiyy, Kaherah, Dār al-Maʿārif

¹² Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(2), 555–569.

¹³ Nurillah binti ʿAbdullah Hassim, (2005) Penyalahgunaan al-Nawāsikh Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang, Tesis Master UIAM Kuala Lumpur

¹⁴ Yahya Othman. (2005). Trend dalam pengajaran bahasa Melayu, Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.

pelbagai aspek seperti aspek morfologi dan sintaksis¹⁵, menyalahgunakan kata kerja¹⁶ serta melakukan kesalahan dalam membuat frasa¹⁷.

Kesalahan tatabahasa dalam penulisan bahasa Arab ialah kesalahan yang berlaku dalam membentuk struktur ayat. Ayat yang lengkap dan sempurna ialah ayat yang tidak terdapat kesalahan tatabahasa. Antara kesalahan tatabahasa Arab merangkumi kesalahan dari segi i'rab (fleks), kesalahan penggunaan ganti nama, penggunaan kata nama hubung (الموصول), penggunaan huruf kata kerja kala kini (حروف المضارعة), penggunaan kata nama tunggal, duaan dan jamak, penggunaan gender (المذكر والمؤنث), dan penggunaan Alif dan L^Ém pada kalimah (ال التعريف)¹⁸. Penguasaan tatabahasa Arab yang mantap mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam keempat-empat kemahiran¹⁹, dan tanpa kefahaman yang mendalam dalam bidang tatabahasa Arab boleh mengundang kesalahan dalam menggunakan bahasa kedua²⁰

Keterangan di atas, membuktikan bahawa pentingnya tatabahasa Arab terhadap penulisan tetapi pelajar Melayu melakukan kesalahan tatabahasa terutamanya semasa menggunakannya dalam kemahiran menulis. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap aspek tatabahasa yang telah dipelajari semasa mereka berada di sekolah menengah untuk mengenal pasti penguasaan mereka terhadap tatabahasa serta kemampuan mereka menggunakan tatabahasa dalam penulisan sama ada dalam membentuk ayat lengkap atau dalam menulis karangan. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat kelemahan dan kekuatan pelajar dalam menulis ayat bahasa Arab

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian yang telah dijalankan

Dapatan Kajian Bahagian A : Penguasaan Responden terhadap Tatabahasa Arab

Bahagian ini merupakan rumusan dapatan kajian mengenai penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab, ukuran penguasaan diubahsuai daripada julat pemarkahan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM):

¹⁵ Ellis, R. (1997). SLA research and language teaching. Oxford: Oxford University Press.

¹⁶ Hashim Mat Zain. (2009). Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

¹⁷ (Abd. Halim, 2002)

¹⁸ Muslikhah, Z. (2014). Analisis Kesalahan Buku Contoh-contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM

¹⁹ Walid Ahmad Jabir (2002). Tadrīs al-Lughah al-Arabiyyah. Mafahim Nazariyyah wa Tatbiqat Amaliyyah. Amman: Daml Fikir Littiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.

²⁰ Ali Ahmad Madkur (2002). Tadrīs Funun al-Lughah al-Arabiyyah. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.

Jadual 1 : Julat Pemarkahan SPM

Markah	Gred	Ukuran
70-100	A	Menguasai
60-69	B	
50- 59	C	
40-49	D	Tidak Menguasai

Markah 50 dan ke atas dalam jadual di atas menunjukkan markah pencapaian tahap penguasaan. Berdasarkan pemarkahan di atas, jadual berikut menunjukkan bilangan responden yang menguasai tatabahasa Arab iaitu bilangan responden yang mendapat markah melebihi 50% (gred C) pada setiap tajuk tatabahasa Arab yang diuji.

Jadual 2 : Penguasaan Tatabahasa Arab dalam kalangan Pelajar Asasi

Tajuk	Bilangan responden	Jumlah Responden yang menguasai TBA	Peratusan	Tahap Penguasaan
Kata Nama	265	235	89%	Sangat Tinggi
Kata Tugas		156	59%	Sederhana
Ayat Kata Kerja		159	60%	Sederhana
Ayat Kata Nama		159	60%	Sederhana
<i>Nawāsikh</i>		217	82%	Tinggi
Frasa <i>Idāfat</i>		154	58%	Sederhana
Frasa Sifat			189	71%
Min			68%	Sederhana

Jadual di atas menunjukkan peratusan penguasaan responden terhadap kata nama adalah sebanyak 89%, kata tugas 59%, ayat kata kerja 60%, ayat kata nama 60%, *nawĒsikh* 82%, frasa *iĒfat* 58% dan frasa sifat sebanyak 71%. Penguasaan keseluruhan responden berdasarkan sistem pemarkahan Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya adalah seperti berikut :

Jadual 3 : Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab

Markah	Tahap
86-100	Sangat Tinggi
70-85	Tinggi
50-69	Sederhana
40-50	Rendah

Berdasarkan jadual pemarkahan di atas boleh dirumuskan bahawa penguasaan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia terhadap tatabahasa Arab dalam tajuk kata nama berada pada tahap sangat tinggi, penguasaan terhadap *nawĒsikh* dan frasa sifat berada pada tahap tinggi dan penguasaan kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama dan frasa *iĒfat* berada pada tahap sederhana. Penguasaan keseluruhan responden terhadap tatabahasa Arab pada semua tajuk yang diuji berada pada tahap sederhana.

Dapatan Kajian Bahagian B : Kemampuan Mengaplikasikan Tatabahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis

Berikut dikemukakan kemampuan responden terhadap kemahiran menulis. Pengiraan kemampuan responden adalah berdasarkan kesalahan yang dilakukan tidak melebihi dua kali dalam menggunakan tajuk tatabahasa Arab yang diuji dalam kajian ini iaitu kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawĒsikh*, frasa *iĒfat* dan frasa sifat. Tahap kemampuan dalam mengaplikasikan tatabahasa dalam karangan responden juga dikira berdasarkan tahap penguasaan responden yang digunakan untuk mengukur tahap penguasaan tatabahasa Arab yang diubahsuai daripada julat pemarkahan Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah dikemukakan sebelum ini. Kemampuan responden dalam mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam karangan adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4 : Kemampuan Responden Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Penulisan

Tajuk	Bilangan responden	Jumlah Responden yang mampu mengaplikasikan TBA dalam penulisan	Peratusan	Tahap
Kata Nama	265	207	78%	Tinggi
Kata Tugas		170	64%	Sederhana
Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja		120	45%	rendah

Ayat Kata Nama		155	58%	Sederhana
<i>Nawāsikh</i>		188	71%	Tinggi
Frasa <i>Idāfat</i>		131	49%	Rendah
Frasa Sifat		175	66%	Sederhana
Min			62%	Sederhana

Berdasarkan jadual diatas dirumuskan bahawa kemampuan responden menggunakan kata nama bahasa Arab dan *nawĒsikh* dalam penulisan berada pada tahap tinggi, di mana 207 orang responden iaitu 78% mampu menggunakan kata nama bahasa Arab dan 71% dapat menggunakan *nawĒsikh* dengan betul dalam penulisan karangan.

Kemampuan responden dalam menggunakan kata tugas, ayat kata nama dan frasa sifat pula berada pada tahap sederhana, peratusan kemampuan responden pada tajuk tersebut berada antara 58-64%. Mana kala kemampuan responden dalam menggunakan kata kerja dan ayat kata kerja adan frsa *iĒfat* berada pada tahap rendah iaitu hanya 45% dan 49%.

Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab Dengan Kemampuan Mengaplikasikannya Dalam Penulisan.

Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas tentang penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab dan tahap kemampuan mereka mengaplikasikannya dalam penuisan, berikut adalah jadual perbandingan penguasaan tatabahasa Arab dan kemampuan mengaplikasikannya dalam kemahiran menulis dalam kalangan pelajar asasi Universiti Awam Malaysia.

Jadual 5 : Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemampuan Mengaplikasikannya dalam Penulisan.

Tajuk	Bilangan responden	% Responden yang menguasai TBA	% Responden yang mampu mengaplikasikan TBA dalam karangan	Perbezaan
Kata Nama	265	89%	78%	11%
Kata Tugas		58%	64%	-6%
Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja		59%	45%	14%
Ayat Kata Nama		60%	58%	2%
<i>Nawāsikh</i>		82%	71%	11%
Frasa <i>Idāfat</i>		58%	49%	9%
Frasa Sifat		71%	66%	5%
Min		68%	62%	7%

Jadual di atas menerangkan tahap penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab berbanding kemampuan mengaplikasikannya dalam penulisan karangan. Jadual menunjukkan perbezaan sebanyak 11% penguasaan tajuk kata nama melebihi kemampuan menggunakannya dalam karangan. Tajuk kata tugas pula, perbezaannya adalah sebanyak -6% di mana kemampuan menggunakan kata tugas dalam karangan melebihi penguasaan tatabahasa tajuk tersebut. Perbezaan antara penguasaan kata kerja dan kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan menunjukkan pelajar lebih menguasai kata kerja dan ayat kata kerja sebanyak 14% berbanding kemampuan menggunakannya dalam karangan. Penguasaan ayat kata nama hanya melebihi kemampuan menggunakannya dalam karangan sebanyak 2% sahaja, manakala penguasaan *nawĒsikh* pula melebihi kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan sebanyak 11%. Kemampuan responden dalam menguasai *iĒfat* melebihi kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan sebanyak 9%, penguasaan frasa sifat pula lebih tinggi daripada kemampuan menggunakannya dalam penulisan sebanyak 5%. Kesimpulannya, purata perbezaan penguasaan tatabahasa Arab dan kemampuan menggunakannya dalam kemahiran menulis dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia adalah sebanyak 7%.

Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa untuk memahami tatabahasa lebih mudah berbanding menggunakannya. Responden memahami satu kaedah tatabahasa Arab tidak bererti mereka dapat menggunakannya dalam penulisan.

Beberapa kesalahan dilakukan oleh responden semasa menulis karangan terutamanya dalam menggunakan kata nama bahasa Arab. Antara kesalahan yang dilakukan seperti pada ejaan, mereka melakukan pengurangan, penambahan dan penukaran huruf semasa mengeja perkataan Arab perti menggunakan *sĒn* pada perkataan yang menggunakan huruf

thÉ' pada perkataan تَلَيْسُ, di mana dieja dengan تلبث, *qÉf* ditukar *kÉf* seperti pada perkataan تَقُومُ dieja dengan تكوم dan sebagainya. Kesalahan penggunaan *masdar* juga berlaku dalam penulisan responden sama ada *masdar thulÉthÊ* atau *ghair thulÉthÊ* seperti menggunakan perkataan إِخْرَاجٌ untuk kata kerja خَرَجَ. Kesalahan dalam menggunakan kata nama *jamak* terutamanya *jamak taksÊr* kerana *jamak taksÊr* merupakan *jamak* yang tiada kaedah tetap dan perlu dihafal. Mereka juga menjamakkan perkataan yang sepatutnya dijamakkan dengan *alif* dan *tÉ'* dengan *wÉu* dan *nÊn* seperti *jamak الأتوبيسون* untuk الأتوبيس. Perkara ini berlaku disebabkan responden tidak menghafal *jamak taksÊr* dan tidak mengenali perkataan yang perlu dijamakkan dengan *alif* dan *tÉ'*, mereka hanya mengingati *jamak muzakkar sÉlim* dan *jamak mu'annath sÉlim* yang menggunakan kaedah penambahan huruf *wÉu* dan *nÊn* serta *alif* dan *tÉ'* pada kata nama tunggal. Pada pandangan mereka juga, perkataan yang boleh dijamak dengan *alif* dan *tÉ'* hanya kata nama *mu'annath* dan yang berakhir dengan *tÉ'* *marbu'at* sahaja. Kesalahan aspek ejaan berlaku disebabkan kelemahan responden terhadap penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab. Kelemahan dalam mengenal pasti *masdar thulÉthÊ* pula disebabkan *masdar thulÉthÊ* adalah *samÉ'Ê* dan memerlukan ingatan serta hafalan. Adapun untuk mengingat *masdar ghair thulÉthÊ* memerlukan hafalan wazannya, sekiranya responden tidak menghafalnya mereka akan gagal menguasainya.

Aspek kesalahan yang dilakukan oleh pelajar terhadap kata tugas pula antaranya ialah penggunaan huruf *jarr*, huruf *nasab* dan huruf *jazam*. Mereka menggunakan kata tugas tersebut berdasarkan makna bukan berdasarkan fungsinya yang dikhaskan untuk kata kerja atau kata nama

Analisis kesalahan penulisan karangan responden dalam kajian ini menunjukkan responden juga melakukan beberapa kesilapan dalam menggunakan kata kerja seperti tidak memadamkan kata kerja dengan pelaku yang betul sama ada dalam aspek jantina dan bilangan, bahkan dari aspek penggunaan ganti nama pertama, kedua dan ketiga.

Begitulah dengan kemampuan menggunakan ayat kata nama dalam penulisan karangan. Untuk memahami ayat kata nama memerlukan seseorang memahami terlebih dahulu ayat kata kerja kerana dalam ayat kata nama terdapat predikat berbentuk ayat kata kerja. Sekiranya responden tidak memahami kata kerja dan ayat kata kerja, mereka akan gagal membentuk ayat kata nama yang menggunakan predikat dalam bentuk ayat kata kerja. Begitu juga, kegagalan responden dalam mengenalpasti ganti nama terutamanya ganti nama yang terkandung dalam kata kerja. Kesilapan mengenali ganti nama dalam kata kerja akan menyebabkan mereka menggunakan kata kerja tidak tepat dalam menulis ayat yang mengandungi predikat dalam bentuk ayat kata kerja.

Selain itu, analisis kesalahan tatabahasa dalam karangan responden telah menunjukkan terdapat responden yang tidak dapat membentuk ayat kata nama dengan menggunakan predikat tunggal. Apabila kata nama digabungkan untuk membentuk ayat, responden tidak dapat menggunakannya dengan betul. Antara penulisan responden seperti ayat: *جامعتي مشهور* dan ayat *المحاضون عالم*, dua ayat ini menunjukkan responden menguasai jenis kata nama tetapi mereka tidak dapat menggunakannya dalam penulisan. Begitulah dengan ayat; *جامعتي هو اسم*, ayat seperti ini juga menunjukkan responden tidak menguasai Ayat kata nama, walaupun semua perkataan ditulis dengan betul tetapi penggunaan perkataan dalam ayat adalah tidak tepat mengikut kaedah tatabahasa Arab

Kemampuan responden dalam menggunakan *nawÉsikh* dalam penulisan karangan adalah tinggi, ini adalah kerana dalam penulisan karangan yang diberikan jarang memerlukan penggunaan *nawÉsikh* selain daripada (كان) dan (إن). Isim kepada *nawÉsikh* juga hanya memerlukan kata nama tunggal. Penggunaan kata nama tunggal boleh mengelakkan daripada melakukan kesalahan dalam penulisan walaupun mereka tidak faham penggunaannya. Antara ayat yang sering digunakan oleh responden seperti: إن كان أبي معي في الجامعة وإن أمي في البيت, كانت الجامعة مشهورة, جامعتي مشهور. Walaupun terdapat kesalahan pada ayat di atas dari aspek keselarasan subjek dan predikat tetapi penggunaan *nawÉsikh* adalah betul. Begitu juga, walaupun penggunaan كان dalam ayat di atas menunjukkan peristiwa yang telah berlaku tetapi apa yang ingin diceritakan oleh responden ialah (أبي معي في الجامعة) keberadaan كان di sini tidak menunjukkan kesalahan struktur ayat, tetapi hanya menunjukkan kesalahan makna sahaja.

Kemampuan responden terhadap frasa *iÉfat* berada pada tahap rendah iaitu hanya 46% sahaja. Analisis kesalahan dalam penulisan karangan responden menunjukkan mereka menggunakan frasa *iÉfat* menyalahi kaedah tatabahasa Arab iaitu menggunakan perkataan *mulaf* dalam bentuk khas atau *ma'rifat*, tidak membungan huruf nun ketika *mulaf* terdiri daripada kata nama duaan atau jamak. Adapun kemampuan responden terhadap frasa sifat pula berada pada tahap sederhana. Kesalahan yang sering dilakukan oleh responden berlaku pada penyelarsan sifat da *mausÉf* dalam aspek jantina, am dan khas, bilangan serta i'rab. Penggunaan isim *mausÉl* bersama kata sifat juga berlaku dalam penulisan responden.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab seperti kata nama bahasa Arab berada pada tahap sangat tinggi. Penguasaan terhadap *nawÉsikh* pada tahap sederhana dan penguasaan terhadap frasa sifat adalah tinggi. Manakala penguasaan responden terhadap kata tugas, ayat kata kerja, ayat kata nama dan *iÉfat* berada pada tahap sederhana. Purata keseluruhan penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab berada pada tahap sederhana.

Hasil kajian ini juga telah menunjukkan kemampuan responden dalam mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam kemahiran menulis berada pada tahap sederhana. Faktor kemampuan ini dipengaruhi oleh kefahaman mereka terhadap tatabahasa Arab, dengan kata lain penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab memainkan peranan penting terhadap penulisan karangan. Kegagalan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab akan menyebabkan kesalahan dalam penulisan, kesalahan dalam penulisan pula akan menyebabkan apa yang ditulis tidak dapat difahami atau apa yang ditulis memberi maksud lain yang tidak dikehendaki. Kefahaman dan penguasaan tatabahasa Arab sangat penting kerana dengan menguasai tatabahasa Arab pelajar dapat meningkatkan penguasaan pemahaman teks bahasa Arab serta dapat mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam pembentukan ayat serta dalam komunikasi harian. Oleh itu, kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab perlu ditangani oleh semua pihak.

Kajian ini menunjukkan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab dan kemampuan mengaplikasikannya dalam kemahiran menulis berada pada tahap yang sama iaitu tahap sederhana. Walau bagaimanapun, ia tidak menunjukkan bahawa penguasaan tersebut pada tahap yang sama kerana peratusan penguasaan tatabahasa Arab melebihi kemampuan

menggunaakannya dalam kemahiran menulis. Ini bererti, untuk menguasai tatabahasa Arab memerlukan strategi khas. Antara strategi yang boleh digunakan oleh pelajar seperti perbincangan dan bimbingan sesama rakan sebaya, perbincangan sesama rakan sebaya ini penting kerana pelajar lebih tahu kelemahan dan kekuatan diri mereka sendiri dan mereka lebih tahu bagaimana untuk mengatasinya. Dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab memerlukan rujukan yang pelbagai dan rujukan yang terkini. Pelajar juga tidak seharusnya mengharapkan syarahan guru semata-mata, bahkan mereka perlu rajin merujuk buku tatabahasa terkini yang ditulis oleh ahli bahasa di dalam dan luar negara. Rujukan kepada guru terhadap kekeliruan yang terdapat dalam buku rujukan juga penting untuk mendapatkan penjelasan lebih ditil.

Pembelajaran kemahiran menulis pula adalah satu kemahiran yang memerlukan latihan tubi berterusan. Oleh itu, perlu bagi seorang pelajar sentiasa membuat latihan dan melatih diri sehingga terbiasa dengan kaedah penulisan dan penggunaan tatabahasa Arab yang betul. Pelajar perlu memastikan bahawa kecemerlangan pencapaian peperiksaan hendaklah seiring dengan kebolehan dan keupayaan menggunakan bahasa yang dipelajari. Pelajar juga perlu sedar tentang kehalusan dan selok-belok tatabahasa Arab di mana kesalahan yang sedikit atau hanya pada satu huruf boleh mengakibatkan kesalahan membentuk ayat seterusnya perubahan besar pada makna. Oleh itu, mengambil berat terhadap kedua-duanya iaitu tatabahasa Arab dan kemahiran menulis perlu dilakukan oleh semua pihak untuk menangani kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa yang teragung ini.

BIBLIOGRAFI

- ‘Ómir, Fakhr al-DÊn, (2000) *Ùuruq TadrÊs al-KhÊssah bi al-Lughah al-’Arabiyyah*, Kaherah: ‘Ólam al-Kutub.
- Ab. Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur:Universiti Malaya
- Ali Ahmad Madkur (2002). *Tadris Funun al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Hashim Mat Zain. (2009). Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Linguistik (1997), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, Robert V. dan Daryle W. Morgan. 1970. *Ditermining Sample Size for Research Activities*, Educational and Psychological Measurment. Vol. 30
- Manisah Mohd. Nor, (2000) [Penggunaan al-dama’ir dalam karangan](#), disertasi (M.M.L.S). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mat Zin, Hashim (2009) [Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian Kes](#), tesis Master, University of Malaya.
- Muhammad KÊmil al-NÊqah. (1985). *Ta’lim al lughah al arabiyyah li al-Nnatiqin biha*. Saudi Arabia: Universiti Umm al-QurÊ.
- Muslikah, Z. (2014). Analisis Kesalahan Buku Contoh-contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM
- Nurillah binti ‘Abdullah Hassim, (2005) *Penyalahgunaan al-Nawasikh Dalam*

- Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang, Tesis Master UIAM Kuala Lumpur
- Qorah, Hussin Sulaiman, (1981) *Maw'Éqif Ta'ġbÊqiyah fÊ Ta'lÊm al-Lughah al-'Arabiyyah wa al-DÊn al-'IslÊmiy*, Kaherah, DÊr al-Ma'Êrif
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Walid Ahmad Jabir (2002). *Tadris al-Lughah al-Arabiyyah. Mafahim Nazariyyah wa Tatbiqat Amaliyyah*. Amman: Daml Fikir Littiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.